

# Team Singapore pamer persembahan hebat

Bagaimanapun pasukan bola sepak Singa Muda dan pasukan atletik mengecewakan

► ZULAIQAH ABDUL RAHIM

zulabr@sph.com.sg  
dari Manila, Filipina

KONTINJEN terbesar luar negara Team Singapore menutup tirai kempen Sukan SEA ke-30 semalam dengan menggondol 53 pingat emas, 46 pingat perak dan 68 pingat gangsa – sejumlah 167 pingat keseluruhannya – sekali gus memecah 15 rekod temasya sukan itu di Filipina.

Singapura yang diwakili seramai 659 atlit dari 48 cabang sukan turut melepasi jumlah ke-900 pingat emas dalam sejarah Sukan SEA sejak 1959.

Lebih memberangsangkan, sebanyak 51 pingat daripada 167 pingat dalam 'lombong' Singapura diraih oleh atlit yang kali pertama bersaing di Sukan SEA.

Seramai 366 atlit – 56 peratus daripada kontinjen tahun ini – dan tujuh sukan: hoki bawah air, sambo, kurash, handball pantai, luncur air, papan luncur dan e-sukan, membuat penampilan sulung mereka di temasya sukan ini.

Ia juga merupakan kali ketiga berturut-turut kontinjen negara meraih pungutan lebih 50 pingat emas dalam temasya sukan dwitahunan ini.

Sukan SEA 2015 di padang sendiri kekal menjadi persembahan terbaik negara (84 pingat emas, 73 pingat perak dan 102 pingat gangsa) manakala edisi 2017 di Kuala Lumpur (58 pingat emas, 57 pingat perak dan 73 pingat gangsa) ialah persembahan terbaik Singapura di Sukan SEA luar negara.

Sukan renang kekal menjadi sukan yang berprestasi cemerlang Singapura dengan kutipan 23 pingat emas – iaitu ulangan persembahan mantap pasukan renang negara di Sukan SEA 2015.

Atlit renang negara Quah Zheng Wen muncul sebagai atlit lelaki dengan pungutan pingat terbanyak di Sukan SEA – enam pingat emas dan dua pingat perak.


Namun, ada juga sukan yang mempamerkan persembahan hambar.

Misalnya, pasukan bola sepak Singa Muda tersingkir buat kali ketiga berturut-turut di peringkat kumpulan. Malah, sembilan pemainnya diheret menghadap jawatankuasa disiplin Persatuan Bola Sepak Singapura (FAS) semalam, kerana melanggar perintah dan keluar dari hotel pasukan pada waktu malam.

Pasukan atletik juga mengecewakan.

Ia hanya meraih tiga pingat gangsa daripada 48 acara yang dipertarungkan menerusi persembahan Shanti Pereira dalam pecut 100 meter dan 200 meter serta Nur Izlyn Zaini dalam lumba 100 meter lompat pagar.

Ketua Prestasi Tinggi dan Kehidupan Atlit di Institut Sukan Singapura, di satu sidang akhbar selepas tamat persaingan Sukan SEA 2019 di



PERCIKAN CAHAYA MELABUH TABIR SUKAN SEA: Percikan bunga api berwarna-warni memeriahkan upacara penutupan Sukan SEA di New Clark City, utara Filipina, semalam. – Foto AP

Clark semalam, berkata:

"Sukan renang dan atletik membentuk dua sukan utama dalam program Sukan SEA. Bagi Singapura untuk kekal berdaya saing dalam pungutan pingat keseluruhan, kita perlu meletakkan diri dalam posisi kompetitif dalam program atletik di mana sekurang-kurangnya 40 pingat emas ditawarkan. Persatuan Atletik Singapura dan frateniti atletik memainkan peranan untuk henti bertengkar dan fokus kepada atlitnya. Jika budaya ini berterusan, kemajuan akan menjadi mencabar."

Chef de mission kontinjen Team Singapore, Cik Juliana Seow, pula memuji ketekunan para atlit negara untuk bersaing meskipun dihipit pelbagai masalah seperti isu kekurangan makan-

an dan makanan halal serta kekecohan Taufan Tiso yang melanda Filipina sewaktu berlangsungnya temasya sukan itu.

"Keseluruhannya, Team Singapore memperolehi lawatan hebat. Atlit kami memaparkan kecekalan dan ketekunan dalam pertandingan berentap di kalangan atlit terbaik rantau ini. Taufan pun tidak dapat memutuskan semangat kuat berpasukan yang ditonjolkan kontinjen kami!"

"Keputusan Team Singapore menunjukkan masa depan cerah dan harapan saya agar persatuan-persatuan sukan nasional akan teruskan usaha memanfaatkan rentak prestasi positif ini." Ujar Cik Seow yang disokong oleh Dr Valerie Teo di Manila dan Encik Chung Pei Ming di Subic.

WARTAWAN KAMI  
DI FILIPINA



FILIPINA 2019  
SUKAN SEA KE-30

Ikuti juga liputan  
temasya Sukan SEA di:  
- beritaharian.sg  
- Facebook Berita  
Harian Singapura  
- IG: @beritahariansg

ZULAIQAH ABDUL RAHIM  
IG: @zulaiqah